

Dari Meja CEO,

Semua stokis serta ahli AIP dan para pelanggan yang dihormati,

Assalamualaikum wbk...,

BERITA BAIK DAN TERKINI BAGI YANG MAHU MENGAMBIL MANAFAAT

Perkara yang tersebut di atas dengan hormatnya adalah dirujuk.

Berkuatkuasa serta-merta semua ahli AIP akan menikmati potongan harga sebanyak lebihkurang 10% – 25% (daripada harga runcit) bagi pembelian semua produk botol (200ml – 1500ml). Sila lihat jadual di bawah :

PRODUK	HARGA RUNCIT RM	HARGA AHLI RM
30JQ (50ML)	75.00	52.50
10ML	13.00	9.10
50ML	21.00	14.70
MINYAK HABATUS SAUDA (60ML)	60.00	50.00
AIR ASY-SYIFA (1500ML)	12.00	9.20
AIR ASY-SYIFA (200ML)	2.30	1.75
D/WATER (500ML)	2.50	1.90
SYAAFAN (200ML)	2.50	1.90
AIR BASMALAH (200ML)	3.50	2.80
MADU (500 GRAM)	70.00	63.00

Pihak ibupejabat juga menawarkan perkhidmatan penghantaran secara percuma ke rumah (mengikut terma & syarat yang telah ditetapkan) bagi memudahkan tuan-tuan dan puan-puan mendapatkan bekalan untuk seisi keluarga. Pihak Ibupejabat sangat berterima kasih sekiranya ahli-ahli dapat memberi kerjasama mengenai perkara di atas dengan membeli beberapa kotak sebulan bagi produk botol (untuk minuman seisi keluarga). Tuan-tuan dan puan-puan boleh menawarkan perkhidmatan tersebut kepada rakan taulan, jiran tetangga, saudara mara dan sebagainya.

Tuan-tuan dan puan-puan boleh juga bersedekah lebih-lebih lagi di bulan Ramadhan ini atau memberi hadiah kepada sesiapa sahaja yang diinginkan lebih-lebih lagi kepada orangtua di kampung. Caranya mudah sahaja iaitu : masukkan sahaja jumlah wang yang secukupnya ke dalam akaun Maybank ANNUSYRAH MALAYSIA SDN. BHD. No. akaun : 5580 3340 3622, selepas itu SMSkan nama penuh dan alamat penghantaran yang mudah dihubungi oleh pihak yang menguruskan servis penghantaran (Skynet).

Pilihlah yang mana satu tuan-tuan dan puan-puan suka, mana-mana produk botol tersebut, selain daripada produk Drop (50ml & 10ml) yang telah diberi potongan 30%.

Tuan – tuan dan puan – puan boleh menjual produk-produk ini kepada saudara mara, jiran, kenalan dan sebagainya. Sebaik-baiknya tawarkanlah borang keahlian ANNUSYRAH kepada seramai orang yang boleh.

Bagi menjayakan program AIP, kami menyeru semua AHLI AIP agar menggerakkan strategi bagi mengumpulkan sekurang-kuang 10 orang AHLI bagi setiap seorang dimana jika semua orang AHLI ini turut aktif memainkan peranan mereka maka kejayaan MENANG-MENANG (WIN-WIN SITUATION) pasti kita capai.. Bagi AHLI-AHLI AIP yang menyahut seruan kami ini dijangka akan memperolehi pendapatan sampingan sebanyak rm79,800.00 (bonus hadiah daripada HQ) pada kadar secepat yang mungkin. Sempena bulan Ramadhan yang mulia ini dimana banyak masa kita terluang terutama waktu rehat (terutamanya bagi kakitangan pejabat dsb) secara purata selama sekurang-kurangnya 1 jam setiap hari maka kami percaya untuk mendapatkan 10 orang AHLI adalah amat senang malah besar kemungkinan bagi mereka yang cekap mengambil peluang ini 15 – 20 orang atau lebih AHLI dengan mudah boleh dicari.

Ertinya program mencambahkan 10 benih yang pertama itu untuk program RM79,800.00 yang pertama. Maka sekiranya lebih usaha diberikan untuk program ini maka tidak mustahil RM79,800.00 yang kedua akan menyusul kemudian, insyaALLAH.

Untuk menjayakan program di atas caranya mudah sahaja, insyaALLAH :

- 1) anggapkan kita menanam 10 benih sahaja (AHLI) (level 1)
- 2) berpesan dan beramal dengan surah Wal A'sri, yakni :
 - jelaskan produk ANNUSYRAH sebagai **“ONE STOP PROBLEM”** agar benih yang 10 tadi turut mencambahkan 10 lagi benih lagi (ahli baru) untuk program mereka pula yakni level 2 untuk diri kita sendiri.
- 3) jika level ke 3 dan ke 4 juga memainkan peranan yang sama, maka tunggulah sahaja bonus daripada HQ untuk tuan-tuan dan puan-puan sebanyak RM79,800.

MAKLUMAT TAMBAHAN :

Untuk mendapatkan benih mula (AHLI AIP) seramai 10 oang, begini caranya :

Pihak ibupejabat merancang kelas Bahasa Arab di seluruh Malaysia secara percuma tanpa perlu membayar sebarang yuran (kecuali buku yang berharga rm40.00). Sekiranya tuan-tuan dan puan-puan berjaya mencari seramai 10 orang AHLI AIP (bagi memulakan kelas program Bahasa Arab ini) ANNUSYRAH merancang kelas ini bermula selepas bulan Ramadhan ini jika masalah kelas @ tempat belajar dsbnya dapat diselesaikan, insyaALLAH.

Ya, inilah yang dikatakan peluang dalam peluang. Kenapa saya katakan begitu?

- tuan-tuan dan puan-puan boleh mempelajari Bahasa Al-Quran

- berpeluang mengerjakan UMRAH dengan kadar tambang paling murah atau mungkin secara percuma. – bergantung kepada banyaknya usaha yang dijalankan.
- Boleh berjihad membela akhirat tuan-tuan dan puan-puan.

Sekurang-kurangnya jika tuan-tuan dan puan-puan sendiri tidak berkesempatan mempelajari Bahasa Al-Quran, tuan-tuan dan puan-puan sudahpun menyediakan peluang ini untuk oranglain.

Mengikut Hadis :

Ganjaran yang didapati oleh orang yang berjihad disebabkan oleh galakan daripada kita, maka kitapun akan mendapat ganjaran yang sama di sisi Allah. Sekurang-kurangnya ini adalah sebagai ikhtiar lapik liang untuk diri kita sendiri di akhirat kelak.

Tuan-tuan dan puan-puan bolehlah berangan-angan dengan rezeki yang diperolehi daripada ANNUSYRAH ini yang berbentuk cek dalam bulan Syawal yang akan tiba tidak lama lagi yakni hasil usaha (bergantung kepada rezeki anda) yang dibuat dalam bulan Ramadhan ini. Begitulah seterusnya.

Namun jika sebaliknya iaitu sekiranya tuan-tuan dan puan-puan tidak mahu menyimpan wang dalam bentuk tunai maka pihak ibupejabat mempunyai cadangan lain @ cadangan lain untuk dipertimbangkan oleh tuan-tuan dan puan-puan. Program tersebut ialah program UMRAH bersama-sama dengan AHLI AIP yang lain. Menerusi program ini pihak ibupejabat telahpun mendaftarkan satu syarikat baru iaitu syarikat ANNUSYRAH TRAVEL & TOURS SDN. BHD. Menerusi syarikat ini dan juga sokongan daripada pihak orangramai terutama AHLI-AHLI AIP program UMRAH ini akan dijalankan, insyaALLAH – mana tahu dengan sokongan AHLI AIP semua ANNUSYRAH mungkin menjadi sebuah syarikat paling unggul dalam membantu umat Islam di Malaysia untuk ke tanah suci.

Melalui program ini sekurang-kurangnya AHLI-AHLI AIP berpeluang menikmati tambang paling murah di Malaysia untuk mengerjakan Umrah dsbnya ataupun sekiranya bernasib baik mungkin terus mendapat tiket percuma bergantung kepada usaha yang dibuat.

Satu perkara lagi ANNUSYRAH secara tidak langsung menjadi sebuah badan khas di mana sesiapa sahaja boleh menabung untuk ke tanah suci. Yakni tabungan bulanan hasil daripada beramal dengan surah Wal A'sri tanpa modal. Menakjubkan.bukan?.

Kami sedang merancang program Umrah pertama (sekurang-kurangnya 50 orang untuk sebuah bas) untuk STOKIS & AHLI ANNUSYRAH sahaja selepas musim Hajj ini.

Oleh itu sekiranya tuan-tuan dan puan-puan sudahpun menjadi AHLI AIP maka tuan-tuan dan puan-puan hanya perlu berpesan-pesan dan beramal dengan surah Wal A'sri sahaja / berpesan-pesan dengan perkara yang baik kepada mereka atau sesiapa sahaja yang ada masalah penyakit dsbnya. / “Produk One Stop Problem” ANNUSYRAH.

Tanpa modal walau 1 sen pun tuan-tuan dan puan-puan akan mencapai perkara baru dalam hidup tuan-tuan dan puan-puan iaitu perkara yang disebutkan di atas – semuanya bergantung kepada usaha tuan-tuan dan puan-puan sepenuhnya. *Annusyrrah hanya merancang, tuan-tuan dan puan-puanlah yang melaksanakannya.*

Maka pergunakanlah peluang sempena bulan Ramadhan ini untuk mengatur langkah agar bulan Syawal nanti tuan-tuan dan puan-puan boleh merencanakan lagi aktiviti mencari seramai mungkin AHLI, insyaALLAH.

Jika ini berlaku maka tuan-tuan dan puan-puan dengan mudah boleh memperoleh pendapatan sampingan berlipat kali ganda hasil daripada apa yang disebut di atas tadi. Pendekata tepuk dada tanyalah selera.

Pihak Ibupejabat juga merancang bagi mengadakan pertemuan mingguan di daerah tuan-tuan dan puan-puan dengan tarikh yang akan dipersetujui bersama bagi membantu anda melancarkan Program Ahli/kebajikan ahli dan sebagainya. Berkaitan dengan kemudahan yang dirancang oleh Ibupejabat (Daripada Talkshow IKIM bertarikh 07hb Jun 2011 hari Selasa pada jam 6.15 petang hingga 6.45 petang) mengenai penghantaran terus ke rumah bagi produk-produk yang dipesan oleh pelanggan termasuk AHLI-AHLI AIP (tidak termasuk Stokis) dengan nilai pesanan minima bagi produk-produk bersaiz 200ml dan ke atas dan nilai pesanan minima berjumlah RM50.00 untuk produk-produk drop (produk bersaiz 10ml – 60ml) iaitu sekiranya tidak terdapat stokis di kawasan tuan-tuan dan puan-puan. Untuk program ini kami mendapat maklumbalas positif daripada ramai ahli yang menyambut baik cadangan tersebut.

Terima kasih kepada AHLI-AHLI AIP semuanya yang menyambut seruan kami. Untuk pengetahuan jumlah AHLI AIP setakat ini sudah mencapai lebihkurang 1,500 di seluruh Malaysia. Kadarnya perkembangannya sangat-sangat memberansangkan untuk kita menapak atau memulakan langkah pertama ke arah kejayaan bersama.

Dan Terima kasih lagi sekali kami ucapkan dan marilah sama-sama kita menyumbang kepada kesejahteraan insan di mana yang boleh. Ganjaran di sisi Allah tetap ada. Insyaa Allah.

Selamat Menyambut bulan Ramadhan Al-Mubarak Kami sentiasa mendoakan tuan-tuan dan puan-puan sihat walafiat sepanjang bulan Ramadhan ini dan bulan-bulan seterusnya. Semoga segala amalan dan ibadah kita diberi ganjaran yang setimpal.

Yang benar,
ANNUSYRAH MALAYSIA SDN. BHD.

HJ. ABDULLAH BIN MOHD. YUSOF ABU HASSAN
Ketua Pegawai Eksekutif (ANNUSYRAH GROUP OF COMPANIES)